

SURAH CAHAYA



Surah: 24 Juzuk: 18 Bil. Ayat: 64

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. (Ini ialah) satu surah yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum-hakamnya, serta Kami turunkan di dalamnya ayat-ayat yang jelas semoga kamu beringat.
2. Penzina perempuan dan penzina lelaki, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada keduanya seratus kali sebatan; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam melaksanakan agama (hukum) Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman (seksa) tersebut itu oleh segolongan di kalangan orang yang beriman.
3. Penzina lelaki (lazimnya) tidak harus bernikah melainkan dengan penzina perempuan atau perempuan musyrik; dan penzina perempuan itu pula (lazimnya) tidak harus menikahinya melainkan oleh penzina lelaki atau lelaki musyrik; dan yang demikian itu dilarang ke atas orang yang beriman.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ
بَيِّنَاتٍ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ
جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهِدَ عَدَاِبُهُمَا
طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا
يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرْمٌ ذَلِكَ عَلَى
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

4. Dan orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; mereka itu adalah orang yang fasiq.
5. Kecuali orang yang bertaubat selepas itu serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.
6. Dan orang yang menuduh isteri mereka (berzina), sedang mereka tidak mempunyai saksi-saksi melainkan diri mereka sendiri, maka persaksian bagi setiap seorang yang menuduh itu hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah sebanyak empat kali, bahawa sesungguhnya dia daripada kalangan orang yang benar.
7. Dan sumpah yang kelima (hendaklah dia berkata): Bahawa laknat Allah akan menimpa dirinya jika dia daripada kalangan orang yang berdusta.
8. Dan bagi menghindarkan hukuman terhadap isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِن بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾

وَالْحَمْسَةَ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾

وَيَدْرُؤُا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾

sebanyak empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah daripada kalangan orang yang berdusta.

9. Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya daripada kalangan orang yang benar.
10. Dan kalaulah tanpa limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, (tentulah kamu akan menghadapi kesulitan), dan juga (ketahuilah) bahawa Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Bijaksana.
11. Sesungguhnya orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan daripada kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Setiap orang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukan, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam perkara tersebut di kalangan mereka, akan beroleh seksa yang hebat (di dunia dan di akhirat).
12. Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada sesama mereka sendiri dan berkata: «Ini ialah berita dusta yang nyata».

وَالْخَيْسَةَ أَنْ غَضَبَ اللَّهُ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ
الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ، وَأَنَّ اللَّهَ
تَوَّابٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِمَّنْ كَرِهَتْ
نَحْسُهُمْ سِوَا الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ هُوَ خَيْرٌ لِّكَ لِكُلِّ
أَمْرٍ مِنْهُمْ مَا لَمْ تَسْبِ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى
كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾

لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ
بِأَنْفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ ﴿١٢﴾

13. Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu di sisi Allah, adalah golongan yang berdusta.
14. Dan kalaulah tanpa limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu di dunia dan di akhirat, pasti kamu dikenakan azab yang besar disebabkan kamu turut terlibat dalam berita palsu itu.
15. Iaitu semasa kamu menghebohkan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia di sisi Allah adalah perkara yang besar dosanya.
16. Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya, kamu segera berkata: «Tidak sepatutnya bagi kami memperkatakan hal ini! Maha Suci Engkau! Ini adalah satu pendustaan yang besar».
17. Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya, jika kamu tergolong di kalangan orang yang beriman.
18. Dan Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat (hukum-hukum) Nya; kerana Allah

لَوْلَا جَاءَ عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةٍ شَاهِدَةٍ فَيَذَرُهَا قَوْمًا
بِالشُّهَادَةِ فَأُولَئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ الْكَاذِبُونَ ﴿١٣﴾

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ لَمَسَّكُمْ فِي مَا أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿١٤﴾

إِذْ تَلَقَوْنَهُ بِالْبَيْتِكُمْ وَتَقُولُونَ يَا أَوَّاهُ كَمَا
لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ وَتَحْسُمُونَهُ هَتِيبًا وَهُوَ عِنْدَ
اللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

وَلَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُمْ مَا يَكُونُ لَنَا أَنْ
نَتَكَلَّمَ بِهَذَا سُبْحَانَكَ هَذَا بُهْتَانٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾

يَعِظُكُمْ اللَّهُ أَنْ تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِنْ كُنْتُمْ
مُؤْمِنِينَ ﴿١٧﴾

وَيَسِّرُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿١٨﴾

Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

19. Sesungguhnya orang yang suka tuduhan-tuduhan yang buruk itu tersebar di kalangan orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui.
20. Dan kalaulah tanpa limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu (tentulah kamu akan ditimpa azab dengan serta-merta), dan (ketahuilah) bahawa Allah Maha Penyantun lagi Maha Penyayang.
21. Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya dia (syaitan) itu sentiasa menyuruh melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar; dan kalaulah tanpa limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di kalangan kamu bersih daripada dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang Dia kehendaki; dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
22. Dan janganlah orang yang berharta serta lapang hidupnya di kalangan kamu, bersumpah

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفِتْحَشَةُ فِي الَّذِينَ
ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَاللَّهُ بَعْلَمٌ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ
اللَّهَ رءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿٢٠﴾

﴿ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ
الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ
يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَمَا زَكَّى مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا
وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

وَلَا يَأْتَلِ أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا

untuk (tidak) mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang miskin serta orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

23. Sesungguhnya orang yang menuduh perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan, lagi yang beriman, dilaknat (oleh Allah) di dunia dan di akhirat dan, mereka pula akan beroleh azab yang besar.
24. Pada hari (ketika) lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, terhadap segala yang mereka telah lakukan.
25. Pada hari itu Allah akan menyempurnakan untuk mereka balasan (azab) yang selayaknya bagi mereka, dan mereka pula akan mengetahui bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Benar, lagi Maha Menjelaskan.
26. (Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik

أُولَى الْقُرْبَى وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣٢﴾

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْفَاحِشَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ لَعْنُوا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يُؤْيِيهِمُ اللَّهُ ذَاتَهُمُ الْحَقِّ وَيَعْمُونَ أَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ الْمُبِينُ ﴿٣٥﴾

الْحَيِّثُكَ لِلْحَيِّثِينَ وَالْحَيِّثُونَ لِلْحَيِّثَاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ أُولَئِكَ مُرَرَّوْنَ وَمَا يَقُولُونَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٣٦﴾

untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih daripada (tuduhan) yang diperkatakan oleh orang (yang jahat); mereka itu akan beroleh pengampunan dan rezeki yang mulia.

27. Wahai orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, semoga kamu (selalu) beringat.
28. Maka sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi keizinan; dan jika dikatakan kepada kamu «baliklah», maka hendaklah kamu pulang; yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.
29. Tidaklah menjadi kesalahan bagi kamu memasuki (tanpa meminta izin) mana-mana rumah yang tidak didiami orang, yang ada keperluan kamu padanya; dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu zahirkan dan apa yang kamu sembunyikan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ
بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَاسْلَمُوا عَلَيَّ
أَهْلِهَا ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٧٧﴾

فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا
حَتَّى يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ
ارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَى لَكُمْ وَاللَّهُ جَمِيعُ
تَعْمَلُونَ عَلَيْكُمْ ﴿٧٨﴾

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ
مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَاعٌ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٧٩﴾

30. Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menahan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka lakukan.

31. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan Islam, atau hamba mereka, atau orang gaji dari orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ بَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ
وَيَحْفَظُوا أَرْوَاحَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ
حَيْزٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ بَعْضُ صَنْ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ
وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى
جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ
أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ
أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ
إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ
الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى
عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ
مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا
إِنَّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang perhiasan yang mereka sembunyikan; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman, semoga kamu berjaya.

32. Dan kahwinkanlah orang bujang di kalangan kamu, dan orang yang layak berkahwin daripada hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui.
33. Dan orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatan sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka daripada limpah kurniaNya; dan hamba kamu yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya, hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada diri mereka; dan berilah kepada mereka daripada harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu; dan janganlah kamu paksa hamba perempuan kamu melacurkan diri

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَأِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْطِهِمُ اللَّهُ مِنْ
فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَلَيْسَ تَعْفَىٰ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ
يُعْطِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَالَّذِينَ يَبْتَغُونَ الْكِتَابَ
بِمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَمَكَاتِبُهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ
فِيهِمْ خَيْرًا وَأَوَّاهُوا لَهُمْ مِمَّنْ قَالِ اللَّهُ الَّذِي آتَاكُمْ
وَلَا تَكْرَهُوا فَتَيْتِكُمْ عَلَى الْبِعَاءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا
لِتَبْتَغُوا عَرَصَ الْحَيَوةِ الدُّنْيَا وَمَنْ يُكْرِهِنَّ
فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ أَرْهَهُنَّ عَفْوٌ رَجِيمٌ ﴿٢٣﴾

apabila mereka mahu menjaga kehormatan, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia; dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - selepas paksaan yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

34. Dan sesungguhnya, Kami telah menurunkan kepada kamu, ayat-ayat yang menjelaskan (suruhan dan larangan), dan contoh tauladan (mengenai kisah-kisah dan berita) orang yang terdahulu sebelum kamu, serta nasihat pengajaran bagi orang yang (mahu) bertakwa.
35. Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur (hidayah) Allah (kitab suci al-Quran) adalah seumpama sebuah «misykaat»⁽¹⁾ yang berisi sebuah lampu; lampu itu di dalam tabung kaca, tabung kaca itu pula umpama bintang yang bersinar terang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya -

وَلَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ آيَاتٍ مُّبِينَاتٍ وَمَثَلًا
مِّنَ الَّذِينَ خَلَوْا مِن قَبْلِكُمْ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٣٤﴾

﴿٣٥﴾ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ
كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي
زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِن
شَجَرَةٍ مُّبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ
يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ
عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ وَيَضْرِبُ
اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

1 Suatu lubang di dinding rumah yang tidak tembus sampai ke sebelahnya, biasanya digunakan untuk tempat lampu atau barang-barang lain.

memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya (Islam) itu; dan Allah membuat pelbagai perumpamaan untuk manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

36. (Cahaya Allah itu bersinar) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya ia dimuliakan dan disebut namaNya di dalamnya; di situ juga dilakukan ibadat menyucikanNya pada waktu pagi dan petang.
37. (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau urusan jual-beli daripada mengingati Allah, dan mendirikan solat serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya bergoncang hati dan pandangan.
38. (Mereka mengerjakannya) supaya Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka lakukan, dan menambahkan kepada mereka daripada limpah kurniaNya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki dengan tidak terkira.

فِي بُيُوتٍ أُذِرَتْ أَنْ تَرْفَعْنَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا
أَسْمُهُمْ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ
وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ يَخَافُونَ يَوْمًا
تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

لِيَجْزِيََهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَوَزَّيْدَهُمْ
مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ يَزِدُّ مَنْ يُشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

39. Dan orang yang kafir pula, perbuatan mereka seperti fatamorgana di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, sehingga apabila dia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; dan dia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah menyempurnakan perhitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat cepat perhitungannya.

40. Atau (keadaan orang kafir itu) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal. Keadaannya yang gelap-gelita itu berlapis-lapis - apabila orang itu mengeluarkan tangannya, dia hampir tidak dapat melihatnya sama sekali; dan (ingatlah) sesiapa yang tidak mendapat cahaya (hidayah) Allah maka dia tidak akan beroleh sebarang cahaya.

41. Tidakkah engkau mengetahui bahawasanya Allah, sentiasa bertasbih kepadanya sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi serta burung-burung yang berterbangan? Masing-masing telah sedia mengetahui cara mengerjakan ibadatnya kepada

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيَعَةٍ يَحْسَبُهُ
الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمْ لَمْ يَجِدْهُ سَائِغًا
وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوَفَّيَهُ حِسَابَهُ ۗ وَاللَّهُ
سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

أَوْ كظلماتٍ في بحرٍ لَمِجٍ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ
مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ظلماتٍ بعضُها فوقَ
بعضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكَدْ يَرَهَا وَمَنْ
لَمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُ مِن فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَالطَّيْرِ صَوْتٌ كُلٌّ قَدْ عَلِمَ صَلَاتَهُ
وَتَسْبِيحَهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٤١﴾

Allah dan memujiNya; dan Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan.

42. Dan milik Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan kepada Allah sahaja tempat kembali.
43. Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan antara bahagian-bahagiannya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya; dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit dari gumpalan awan besar; lalu Dia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan menjauhkannya daripada sesiapa yang Dia kehendaki. Sinaran kilat yang terpancar dari awan itu, hampir-hampir menghilangkan penglihatan.
44. Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; sesungguhnya pada kejadian itu mengandungi pelajaran bagi orang yang celik mata hatinya.
45. Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu daripada air; maka sebahagian di antara mereka ada yang menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antara mereka berjalan dengan

وَاللَّهُ مَالِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ
الْمَصِيرُ ﴿٤٢﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُرْسِلُ سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُمْ
يَجْعَلُهُ رُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ
وَيُنزَلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ
مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَن يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا
بَرْقِهِ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَارِ ﴿٤٣﴾

يُقَلِّبُ اللَّهُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً
لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿٤٤﴾

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِنْ مَاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى
بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مِمَّن يَمْشِي عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ
مَنْ يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Dia kehendaki, kerana sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

46. Sesungguhnya, Kami telah menurunkan ayat-ayat yang menerangkan (hakikat kebenaran); dan Allah memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki ke jalan yang lurus.
47. Dan mereka berkata: «Kami beriman kepada Allah dan rasulNya serta kami taat»; kemudian segolongan daripada mereka berpaling (membelakangkan perintah Allah dan rasul) selepas pengakuan itu, dan mereka itu bukanlah golongan yang benar-benar beriman.
48. Dan (jelasnya) apabila mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah rasulNya untuk memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta-merta segolongan daripada mereka menolak (ajakan itu).
49. Dan (sebaliknya) jika keputusan itu berpihak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan taat (menerima hukumnya).
50. Adakah (keingkaran mereka) kerana hati mereka mengandungi penyakit (kufur), atau kerana

لَقَدْ أَنْزَلْنَا آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ وَاللَّهُ يَهْدِي مَن
يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

وَيَقُولُونَ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ
يَتَوَلَّى فِرْيَنٌ مِّنْهُم مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَمَا أُولَئِكَ
بِالْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

وَإِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ
إِذَا فِرْيَنٌ مِّنْهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾

وَإِنْ يَكُنْ لَهُمُ الْحُكْمُ يَأْتُوا إِلَيْهِ مُذْعَبِينَ ﴿٤٩﴾

أَفَلَا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ مَّرْضٌ أَمْ أُرْتَابُوا أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ
اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَرَسُولَهُ بَلْ أُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٠﴾

mereka ragu-ragu (terhadap kebenaran hukuman), ataupun kerana mereka takut bahawa Allah dan rasulNya melakukan kezaliman kepada mereka? Bahkan mereka itulah orang yang zalim.

51. Sesungguhnya kata-kata yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah rasulNya, untuk memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: «Kami dengar dan kami taat»: dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.
52. Dan barang siapa yang taat kepada Allah dan rasulNya dan takut (melanggar perintah) Allah serta bertakwa kepadaNya, maka mereka itulah orang yang beroleh kemenangan.
53. Dan mereka (yang munafik) telah bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh: bahawa jika engkau (wahai Muhammad) perintahkan mereka (keluar berjihad), tentulah mereka akan keluar. Katakanlah: “Janganlah kamu bersumpah, (taat kamu itu) taat yang sudah diketahui. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”.

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ
وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا
وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَ اللَّهَ وَيَتَّقِهِ
فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

﴿٥٣﴾ وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِنْ أَمَرْتَهُمْ
لَيَخْرُجُنَّ قُلْ لَا تَقْسِمُوا طعنة مَعْرُوفَةَ
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

54. Katakanlah lagi (kepada mereka): “Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul. Kemudian jika kamu berpaling maka sesungguhnya Rasul (Muhammad) hanya bertanggungjawab atas apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab atas apa yang ditugaskan kepada kamu. Jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah; dan (sebenarnya) Rasul hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan jelas”.
55. Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh di kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan dia akan mengukuhkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredaiNya bagi mereka; dan dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukanKu dengan sesuatu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur selepas itu, maka mereka itulah orang yang fasiq (derhaka).

فَلْأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا
فَأِنَّمَا عَلَيْهٖ مَآحِلٌ وَعَلَيْكُمْ مَآحِلٌ مِّمَّا
وَأِن تَطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا
أَلْبَٰغُ الْمُبِينِ ﴿٥٤﴾

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ
وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ
لَهُمْ وَلَيَسِدَنَّهُمْ مِن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا
يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ
بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

56. Dan dirikanlah solat serta berikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul; semoga kamu beroleh rahmat.
57. Janganlah engkau menyangka orang kafir itu dapat melemahkan kekuasaan Allah di muka bumi, sedang tempat kembali mereka ialah neraka; dan sesungguhnya neraka itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.
58. Wahai orang yang beriman, hendaklah hamba kamu dan orang yang belum baligh di kalangan kamu meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), pada tiga waktu; (iaitu) sebelum solat subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan selepas solat Isyak; itulah tiga waktu bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Tidak ada dosa bagi kamu dan tidak (pula) mereka selain daripada tiga waktu itu, (kerana mereka) orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا
الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ
وَمَا لَهُمْ النَّارُ وَلَيْسَ الْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَيْسَ عَلَيْكُمُ الدِّينُ
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ
تِلْكَ مَرَّتَيْنِ مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ
تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ
صَلَاةِ الْعِشَاءِ تِلْكَ عَوْرَاتُكُمْ لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ
وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَ هُنَّ ظُفُوفِنَ عَلَيْكُمْ
بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ
لَكُمْ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾

59. Dan apabila kanak-kanak di kalangan kamu telah sampai usia baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sebagaimana cara orang (yang telah cukup umur) yang dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.
60. Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak berkeinginan untuk berkahwin lagi maka tidak ada salahnya mereka menanggalkan pakaian luarnya, dengan tidak bertujuan mendedahkan perhiasan mereka; dalam pada itu perbuatan mereka menjaga kehormatan (dengan tidak menanggalkan pakaian luarnya itu adalah) lebih baik bagi mereka; dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
61. Tidak ada halangan bagi orang buta, tidak (pula) bagi orang tempang, tidak (pula) bagi orang sakit dan tidak (pula) bagi dirimu, makan (bersama-sama mereka) di rumah kamu atau di rumah bapabapamu, di rumah ibu-ibumu, di rumah saudara-saudaramu yang lelaki, di rumah saudara-saudaramu yang perempuan, di rumah saudara-saudara bapamu yang lelaki, di rumah saudara-

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمْ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا كَمَا اسْتَأْذَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ اللَّاتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَنْ يَضَعْنَ ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ مُتَبَرِّجَاتٍ بِزِينَةٍ وَأَنْ يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَهُنَّ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَنْ تَأْكُلُوا مِنْ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ آبَائِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أُمَّهَاتِكُمْ

saudara bapamu yang perempuan, di rumah saudara-saudara ibumu yang lelaki, di rumah saudara-saudara ibumu yang perempuan, (di rumah) yang kamu miliki kuncinya atau (di rumah) kawan-kawanmu. Tidak ada halangan bagi kamu makan bersama-sama mereka atau sendiri-sendiri. Apabila kamu memasuki rumah-rumah hendaklah kamu memberi salam kepada sesama kamu, dengan salam yang penuh berkat dan baik daripada sisi Allah. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat(Nya) bagimu, agar kamu mengerti.

62. Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan RasulNya, dan apabila mereka turut bersama-sama dengan Rasulullah dalam sesuatu perkara yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak beredar sebelum mereka meminta izin kepadanya. Sesungguhnya orang yang meminta izin kepadamu (wahai Muhammad) itulah orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya. Maka apabila mereka meminta izin kepadamu untuk pergi menjalankan sesuatu urusan mereka, maka izinkanlah bagi sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka, dan mintalah ampun kepada Allah untuk

أَوْ يُبَيِّنَ إِخْوَانِكُمْ أَوْ يُبَيِّنَ أَخَوَاتِكُمْ
 أَوْ يُبَيِّنَ أَعْمَلِكُمْ أَوْ يُبَيِّنَ
 عَمَلِكُمْ أَوْ يُبَيِّنَ أَخَوَاتِكُمْ أَوْ
 بُيُوتِ خَلَاتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ
 مَفَاتِحُهُ ۚ أَوْ صَدِيقِكُمْ لَيْسَ
 عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَأْكُلُوا جَمِيعًا أَوْ
 أَشْتَاتًا فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى
 أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةٌ طَيِّبَةٌ
 كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ
 لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١﴾

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ
 وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَى أَمْرٍ جَامِعٍ لَمْ يَذْهَبُوا
 حَتَّى يَسْتَأْذِنُوا مِنَ الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُكَ أُولَئِكَ
 الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ فَإِذَا
 أَسْتَأْذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأَذَنْ لِمَنْ
 شِئْتَ مِنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ اللَّهُ إِنَّ
 اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٢﴾

mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

63. Janganlah kamu jadikan panggilan Rasulullah di antara kamu seperti panggilan sesama kamu; sesungguhnya Allah mengetahui di antara kamu yang menarik diri keluar (daripada majlis nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Maka, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga agar mereka tidak ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab yang pedih.
64. Ketahuilah! Sesungguhnya Allah yang menguasai segala yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan yang kamu alami (wahai umat manusia); dan pada hari manusia kembali kepadaNya, maka Dia akan menerangkan kepada mereka segala yang mereka telah lakukan, kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap tiap sesuatu.

لَا تَجْعَلُوا دَعَاةَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدَعَاةِ
بَعْضِكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ
يَسْتَلُونَ مِنْكُمْ لَوَ آذَاءٌ لِّأُولِي الْأَرْحَامِ
يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ
أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قَدْ
يَعْلَمُ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ
فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا أَوَّلَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٦٤﴾

